

## berita

### Reaksi



Program ini bertujuan melahirkan graduan memiliki potensi dalam keusahawanan berkaitan bidang pertanian merangkumi aspek pengeluaran, pemprosesan dan perniagaan”

**Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin,**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPM



Saya akan menggunakan teknik penjagaan ayam kampung kacukan menerusi modul disediakan apabila membuka ladang ternakan”

**Rohana Idayu Samin,**  
Graduan Diploma Sains Pertanian, Kolej Universiti Agrosains Malaysia



Program ini membantu saya membentuk jaringan kenalan dalam industri penternakan, terutama ternakan kambing”

**Mohd Jabal Mukhtar,**  
Graduan Bachelo Pentadbiran Perniagaan, UPM

# Inkubasi jana usahawantani tempatan

Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

### ▀ Serdang

**P**rogram Inkubasi Usahawantani dilaksanakan Universiti Putra Malaysia (UPM) sejak tahun 2012 sudah melatih 236 peserta yang setakat ini berjaya menubuhkan 53 syarikat di seluruh negara.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, berkata pencapaian itu membuktikan fungsi universiti kini bukan terhad kepada penghasilan graduan semata-mata tetapi juga usahawan dalam pelbagai industri, termasuk pertanian dan makanan.

Beliau berkata, keberuntungan negara terhadap import makanan amat tinggi,

justeru usaha UPM melahirkan usahawantani dijangka dapat membantu pada masa depan.

“Nilai pulangan semua syarikat usahawantani daripada program ini meningkat daripada RM300,000 pada tahun 2013 kepada RM5 juta tahun lalu. Jumlah itu dijangka meningkat kepada RM7 juta pada akhir tahun ini.

### **Teknologi pertanian**

“Lapan modul atau kursus ditawarkan, iaitu tanaman rock melon secara fertigasi, akuakultur (ternakan ikan tilapia), ternakan ayam kampung kacukan, ternakan ruminan, bioteknologi (penghasilan biokompos), pengurusan perkhidmatan makanan, ekopelancongan dan perdagangan,” katanya ketika ditemui pada Majlis Penutupan Program Inkubasi Usahawantani 2016 di Fakulti Pertanian

### info

### Program Inkubasi Usahawantani UPM

→ **Terbuka** kepada semua graduan tempatan yang berminat dengan kelayakan minimum diploma dalam bidang pertanian atau bukan dan berumur kurang 30 tahun.  
→ **Dilaksanakan** sepenuh masa dari Januari hingga Jun.

UPM di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Dekan Fakulti Pertanian UPM, Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, dan Felo Perunding Kanan, Unit Inkubasi Usahawantani, Sahbani Saimin.

Mengulas lanjut, Prof Mad Nasir berkata, pihaknya merancang melahirkan lebih ramai usahawantani pada masa depan dengan menitikberatkan aspek teknologi pertanian.

### **Kurangkan import**

Melalui penguasaan golongan muda dalam teknologi pertanian, beliau berkata, Malaysia mampu mengurangkan import dan menghasilkan makanan menepati cita rasa pasaran pada masa akan datang.

“Kita akan dapat menentukan saiz, rasa dan pelbagai kriteria buah-buahan sebagaimana dilakukan negara maju seperti Jepun,” katanya.

(FOTO ROHANIS SHUKRI/BH)



**Prof Mad Nasir (kanan) beramah mesra** dengan peserta yang tamat mengikuti Program Inkubasi Usahawantani 2016.